



20 JAN, 2026

Rianlon labur RM1.27b bina kemudahan di Johor

Berita Harian, Malaysia



Rianlon labur RM1.27b bina kemudahan di Johor

Syarikat kimia produk kosmetik bangunan pusat R&D, kilang moden di Tanjung Langsat

Oleh Izz Laily Hussein
bhbiz@nstp.com.my

Johor menerima masuk pelaburan baharu berjumlah hampir RM1.27 bilion apabila sebuah syarikat kimia khusus bagi produk kosmetik membina pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta kilang pengeluaran moden di Tanjung Langsat, Pasir Gudang.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Johor, Lee Ting Han berkata, syarikat dari Tianjin itu antara peneraju utama dalam sektor kimia.

Beliau berkata, komitmen pelaburan hampir RM1.27 bilion oleh syarikat itu dibahagikan kepada dua fasa.

"Fasa pertama membabitkan pelaburan RM820 juta dalam menghasilkan bahan kimia untuk kegunaan produk kosmetik seperti pelindung suria dan produk anti-penuaan. Memang produk mereka ini digunakan untuk jenama utama yang akan digunakan untuk menghasilkan produk kosmetik.



Onn Hafiz (tiga dari kiri) dan Ting Han (tiga dari kanan) pada Majlis Pecah Tanah Rianlon Corporation, semalam.
(Foto Izz Laily Hussein/BH)

"Fasa kedua, mereka akan bekerjasama dengan satu syarikat dari United Kingdom, Infineum International Limited yang mana untuk menghasilkan produk pelincir membabitkan pelaburan RM450 juta," katanya ditemui selepas Majlis Pecah Tanah Rianlon Corporation yang disempurnakan Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif, Rianlon Corporation, Li Haiping dan Ketua Pegawai Eksekutif, Infineum International Limited, Aldo Govi.

Ting Han berkata, Onn Hafiz telah berjumpa sendiri dengan pengurusan syarikat Rianlon Corporation pada 22 Disember 2025 ketika lawatan rasmi beliau ke republik itu tahun lalu.

"Dalam satu bulan, kita berbesar hati kerana dapat menghadiri

majlis pecah tanah ini, yang mana dalam satu bulan ini, kita telah pun membantu syarikat ini untuk membuat permohonan sama ada dari segi merancang dan proses dengan syarikat utiliti seperti TNB (Tenaga Nasional Bhd) dan RSAJ (Ranhill SAJ)," katanya.

Peluang pekerjaan

Menurutnya, pelaburan baharu itu akan mewujudkan kira-kira 300 peluang pekerjaan dalam sektor kimia.

"Kita di peringkat JTDC (Majlis Pembangunan Bakat Johor) sudah memulakan perbincangan dengan syarikat untuk adakan kerjasama 'place and trained' sebelum kilang ini mulakan operasi pertengahan 2027.

"Kita telah mulakan perbincangan untuk kerjasama melatih bakat yang tertentu sebab sektor

ini yang memerlukan kepakaran tertentu dan syarikat telah pun membuat komitmen dengan menyediakan 30 tempat di Tianjin University di China untuk adakan biasiswa buat rakyat Johor dan Malaysia mengambil kursus tertentu," jelasnya.

Sementara itu, dalam ucapannya, Onn Hafiz berkata, Johor yakin mampu mencipta rekod kemasukan pelaburan tertinggi tahunan dalam sejarah mana-mana negeri di Malaysia bagi 2025 dengan anggaran pelaburan diluluskan berjumlah kira-kira RM102 bilion.

Beliau berkata, rekod itu bagaimanapun hanyalah satu permulaan dan negeri ini masih mempunyai potensi besar susulan pelaksanaan beberapa inisiatif ekonomi berimpak tinggi yang sudah dirancang.